



**BALAI SENI NEGARA**  
2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,  
53200 Kuala Lumpur.  
Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998  
Email: [pr.artgallery@1govuc.gov.my](mailto:pr.artgallery@1govuc.gov.my)  
Website: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI & BUDAYA MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

**EMBARGO: Tidak boleh  
dicetak atau disiarkan  
sebelum 15 Februari 2022  
jam 2.30 Petang**

### PELANCARAN KALENDAR PROGRAM BALAI SENI NEGARA 2022 DAN BAUCER 'BUY ART MALAYSIA'

**KUALA LUMPUR, 15 Februari 2022** – Balai Seni Negara berbesar hati melancarkan Kalendar Program 2022 dan Baucer 'Buy Art Malaysia'. Majlis pelancaran dirasmikan oleh YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri pada Selasa, 15 Februari 2022 dan diadakan di Balai Seni Negara. Program pada tahun ini merangkumi pameran, program, aktiviti sokongan, dokumentasi dan penerbitan.

Balai Seni Negara mendokong Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) pada tahun 2021 melalui Pemberian Baucer Diskaun pembelian Karya Seni visual, 'Buy Art Malaysia'. Sebanyak seratus peratus baucer diagihkan pada Oktober sehingga November 2021. Penyaluran peruntukan sebanyak RM250,000.00 telah diagihkan kepada penggiat dan pemain industri melibatkan 33 buah galeri seluruh Malaysia dengan nilai karya keseluruhan sebanyak RM1.1 juta. Bagi tahun 2022 diteruskan program ini dengan saluran peruntukan bernilai RM 1.2 juta bagi menggalakkan pembelian karya seni visual dan sekaligus membantu penggiat seni menjana pendapatan.

Ekosistem seni juga merupakan satu fokus utama Balai Seni Negara, pelbagai program *outreach* telah dirancang melalui penyelidikan, pameran, program sokongan, kolaborasi dalam dan luar negara.

Melalui Program Kem Seni Pedalaman: (Bakun Experience 2022) Bersama pelukis, komuniti Sarawak akan dapat pelbagai manfaat. Program ini bakal memberikan potensi tarikan pelancongan dengan paparan budaya lokal dan melahirkan lebih banyak usahawan seni.

Potensi Pulau Langkawi dari sudut pelancongan akan bertambah melalui tarikan seni visual baru. Melalui Program Community Based Tourism (CBT) Arca Awam di perairan Pulau Langkawi, Balai Seni Negara dengan kolaborasi dan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Marine Research, UITM Perlis, Pelancongan Seni dan Budaya Negari Kedah, Geopark Langkawi, Jabatan Perikanan Malaysia dan Polis Marin Langkawi serta penajaan dari pihak YTL dan Felcra akan menjadi pemangkin tarikan eko pelancongan yang baharu serta menyumbang kepada pertambahan habitat ekologi marin.

Pelbagai program lain lagi akan terus menyemarakkan industri seni visual negara ialah Program Jejak Seni iaitu tentang pemetaan ekosistem seni visual sedia ada di seluruh negeri seperti karya awam, Residensi, persatuan dan komuniti seni. Selain daripada itu Program Keluarga Seni Malaysia 'Art to Heart' yang meliputi Laman Seni, pertandingan dan bazaar telah dirancang untuk komuniti penggiat seni visual dan masyarakat. Mekanisme ini dapat mengeratkan perpaduan serta meningkatkan penjana ekonomi dan ketamadunan bangsa.

Program Jerayawara Seni Dwimusim (biennale) dengan tema Lindungan dan Dagangan yang akan bermula di Kuala Terengganu, pada September 2022 dan menyelusuri laluan Tenggara bagi cerminan kemakmuran seni serantau. Program ini melalui sentuhan kontemporari memberikan nilai intrinsik para penggiat serantau yang akan didokumentasikan dengan laluan perjalanan seni mendokong kepada perkembangan dan jalinan seni visual, warisan dan budaya negara sehingga kini.

Program 'Young Art Entrepreneur (YAE)' yang telah memasuki Cohort ke-7 diteruskan dengan pelbagai perancangan untuk pelajar meningkatkan ilmu keusahawanan mereka, agar dapat berdaya saing sebagai usahawan seni serta mewujudkan jaringan hubungan perniagaan baru. YAE yang telah dimulakan pada tahun 2017 telah menghasilkan seramai 89 orang pelajar melalui 6 cohort. Seramai 240 orang usahawan seni dijangka akan dapat dihasilkan dalam tempoh 5 tahun dari sekarang sehingga tahun 2027.

Kesinambungan warisan dan pemuliharaan objek koleksi menjadi iltizam Balai Seni negara bagi kewujudan Pusat Repositori dan Konservasi Seni Negara atau dikenali sebagai 'Art Hospital'. Pusat Repositori ini bertujuan untuk memelihara dan memulihara khazanah seni visual negara dengan lebih sistematik serta meningkatkan taraf dalam penyelenggaraan koleksi, konservasi dan informasi khazanah visual negara. Pada bulan Mei ini, 'Art Hospital' dibuka untuk perkhidmatan seperti sewaan ruang simpanan karya, rujukan seni, kajian koleksi dan nasihat seni dari tenaga pakar.

Sebagai pembuka tirai semula, Balai Seni Negara menampilkan sebuah pameran bertajuk 'NUSA' (Motherland or Homeland). Pameran NUSA tersedia memaparkan

dan mempamerkan pilihan dari koleksi-koleksi Khazanah Negara yang akan dihayati umum sepanjang tahun. Pameran ini kelak akan berkongsi naratif visual negara yang memberangsangkan dan sangat berkesan untuk semua golongan masyarakat dan merentasi usia sebagai wadah warisan ilmu budaya. Pameran ini selaras dengan objektif utama MOTAC dalam memperkasakan produk/program pelancongan dan kebudayaan ke arah mengukuhkan jati diri bangsa.

Pameran Singles merupakan satu pameran bagi meraikan pelukis-pelukis kontemporari yang menghasilkan karya yang mempunyai impak dan *influence* kepada khalayak serta mengambil kira sumbangan di dalam dan luar negara. 4 orang pelukis akan ditampilkan kelak dengan membawa idea dan karya yang memberikan pendekatan terkini di dalam industri seni visual. Diharap inisiatif dan pendekatan melalui pameran ini mampu mempertingkatkan penglibatan penggiat seni visual di masa akan datang.

Selain itu, Pameran jalinan kerjasama antarabangsa 'Walking Through a Songlines' dibawakan oleh *National Museum of Australia* dan *Mosster Studio* akan dipamerkan di ruang galeri Balai Seni Negara. Pameran ini akan membawa satu pengalaman baru berbentuk digital termasuk imej ikonik Australia sebagai penghormatan dan meraikan Orang Asli Australia.

Tidak asing lagi, Program **Bakat Muda Sezaman 2021 Seni di Lokasi** yang merupakan salah satu program penanda aras yang berprestij yang bermula sejak tahun 1974. Program ini telah melalui lonjakan paradigma dari segi kebebasan memilih ruang berkarya seiring dengan gagasan de sentralisasi dan penggunaan teknologi di dalam kekangan pandemik ini. Kekangan ini juga tidak melumpuhkan semangat untuk diteruskan dengan penyertaan 166 orang bakat muda. 'Art on Site' atau 'Seni di lokasi' membawa kepada pemilihan juri dan kini hanya tinggal keputusan yang akan diumumkan tidak lama lagi.

Antara pameran lain ialah sebuah Pameran Bergerak yang merupakan inisiatif Balai Seni Negara dalam berkongsi khazanah negara bertujuan merakytakan karya koleksi Himpunan Tetap LPSVN untuk di pameran di galeri-galeri seni di seluruh Negara. Pameran ini menjadi pelantar pengumpulan data seni visual pelukis-pelukis negeri, galeri, institusi dan penggiat serta pengumpul seni. Pameran ini mendirikan 2 pameran bergerak hybrid di dua negeri yang akan bergerak ke 6 lokasi termasuk 3 lokasi di negeri Johor (Galeri Seni Johor, Muzium Mersing, Muzium Kota Tinggi) dan 2 lokasi di negeri Kedah (Galeri Seni Kedah, Balai Seni Lukis Kedah).

Bagi mengangkat seni tempatan untuk sorotan mata dunia di pintu utama negara, Pameran KUL Art direalisasikan dalam bentuk karya seni arca awam di empat buah Lapangan Terbang Antarabangsa iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala

Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Pameran ini merupakan sebuah inisiatif Balai Seni Negara dengan kerjasama Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB). Pendekatan ini juga sejajar dengan konsep 'Seni di Lokasi' yang diperkenalkan oleh Balai Seni Negara.

Festival Ekosistem Seni Malaysia atau MAEF merupakan program yang diwujudkan ke arah pemulihan ekonomi pasca Covid-19 memasuki tahun kedua penganjurannya. Festival ini memberi peluang kepada penggiat-penggiat dalam ekosistem seni di Malaysia bagi mempromosikan hasil karya, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dalam bidang seni visual

Melalui penyertaan sebanyak 76 peserta yang terdiri daripada galeri awam dan swasta, Institut Pengajian Tinggi, Penyedia Perkhidmatan Seni dan pengkarya seni yang telah diadakan di World Trade Centre Kuala Lumpur pada 3 -5 Disember 2021 telah berjaya membawa penjanaan sebanyak RM188,000.00 dalam masa 3 hari program berlangsung.

Balai Seni Negara, amat mengambil berat pendokumentasian seni visual melalui penerbitan-penerbitan bagi rujukan dan kajian serta menyelidiki ilmiah kepada semua. Pendokumentasian seni visual untuk sepanjang tahun ini merupakan penterjemahan di dalam aspek kuratorial bagi rekod informasi visual didokumenkan melalui penerbitan secara cetakan dan digital.

Dijangkakan Balai Seni Negara akan dibuka semula kepada orang ramai pada bulan Mei 2022 dan ketetapan tarikh akan dimaklumkan semula. Orang ramai dijemput untuk melawat galeri. Untuk maklumat lanjut, layari [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my). Maklumat lanjut mengenai festival ini, boleh didapati dengan melayari laman sesawang [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my) atau layari laman sosial rasmi Balai Seni Negara.

---

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**National Art Gallery**

**Sarifah Abu Bakar Ebau**

T: +60 16 494 7921

E: [sarifah@artgallery.gov.my](mailto:sarifah@artgallery.gov.my)

**Wan Nor Hidayah Wan Idris**

T: +60 17 987 3303

E: [hidayah@artgallery.gov.my](mailto:hidayah@artgallery.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Balai Seni Negara, Malaysia**

**No. 2 Jalan Temerloh, OFF Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur**

**Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998**

**E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)**